



POLISI ANTI RASUAH

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA


KANDUNGAN

- 1 •TUJUAN
- 2 •OBJEKTIF
- 3 •JUSTIFIKASI
- 4 •PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
- 6 •TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN
- 8 •STRUKTUR PEMATUHAN DALAMAN
- 10 •TAFSIRAN "SUAPAN"
- 11 •KESALAHAN RASUAH
- 12 •HUKUMAN SABIT KESALAHAN
- 16 •PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH
- 18 •KEGAGALAN MELAPOR
- 19 •PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR
- 21 •CABARAN DALAM PELAKSANAAN POLISI ANTI RASUAH
- 22 •PERKARA UMUM
- 23 •KESIMPULAN

TUJUAN

Polisi Anti Rasuah ini menetapkan tahap perlakuan dan amalan yang perlu dipatuhi dengan mengambil kira beberapa tatacara transaksi terutamanya penerimaan barang bernilai termasuklah wang, hadiah, hidangan, perjalanan, penginapan, keraian, sumbangan kebajikan, sumbangan politik dan faedah seumpamanya.


Polisi ini mestilah mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta undang-undang lain yang berkaitan.



OBJEKTIF

Menjunjung tinggi suatu gagasan membudayakan integriti seluruh warga jabatan sebagai landasan kukuh mencapai kecemerlangan dengan halatuju dan panduan yang jelas.

Mewujudkan warga kerja yang berintegriti dan bebas rasuah sebagai dasar yang kukuh bagi mencapai matlamat jabatan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap secara berterusan.



JUSTIFIKASI

Mengapa perlu polisi?

Mendukung pencapaian Pelan Anti Rasuah Nasional (PAN) / *National Anti-Corruption Plan* (NACP)

Memantapkan perancangan dan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (PAO) / *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP)

Komponen Sistem bagi mencapai matlamat *Anti Bribery Management System* (ABMS) secara berterusan

Memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewangan dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan berkesan

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 Seksyen 16,17,18 dan 23
- Seksyen 161 Kanun Keseksaan - penjawat awam menerima suapan melibatkan tugas rasmi jabatan
- Seksyen 162 dan 163 Kanun Keseksaan - mana-mana orang menerima suapan bagi mempengaruhi atau menggunakan pengaruh peribadi ke atas penjawat awam
- Seksyen 164 Kanun Keseksaan - penjawat awam yang bersubahat melakukan kesalahan Seksyen 161-164 Kanun Keseksaan
- Seksyen 165 Kanun Keseksaan - penjawat awam menerima benda yang berharga dengan tiada balasan daripada orang yang mempunyai hubungan tugas rasmi

- Seksyen 213 dan 214 Kanun Keseksaan - mana-mana orang mengambil atau menawarkan suapan sebagai balasan mengelakkan pesalah daripada tindakan undang-undang
- Seksyen 215 Kanun Keseksaan - mana-mana orang mengambil suapan untuk pura-pura menolong atau kerana menolong pensalah mendapatkan semula harta yang telah diambil daripada pensalah itu
- Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.



TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

ORGANISASI

Membuat pemantauan menyeluruh serta memberi tumpuan kepada komunikasi dalaman supaya organisasi mengambil tindakan-tindakan proaktif dalam menangani gejala rasuah; dan

Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

WARGA JPN

Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti rasuah kepada saluran yang telah disediakan. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);

Memahami Polisi Anti Rasuah JPN

Memberi kerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan; dan

Menghadiri latihan dan taklimat berkaitan pematuhan Polisi Anti Rasuah.

UNIT INTEGRITI

Melaksanakan kawalan dalam berkaitan sebarang kelakuan tidak wajar yang berlaku di dalam jabatan dan melaporkan secara terus kepada Ketua Pengarah Pendaftaran Negara; dan

Memberi penerangan jelas kepada semua warga JPN bahawa sebarang pelanggaran tatakelakuan membolehkan pegawai diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

BAHAGIAN SIASATAN & PENGUATKUASAAN

Merujukkan kes-kes yang dikenalpasti atau disyaki berlakunya rasuah atau pengeluaran dokumen secara tidak teratur kepada Unit Integriti

STRUKTUR PEMATUHAN DALAMAN

UNIT INTEGRITI

Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan

Penguksuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi

Pengesanan & Pengesahan

Mengesan dan mengesahkan aduan

Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab

Tatatertib

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib

Pengurusan Aduan

Menerima dan mangambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

TAFSIRAN “SUAPAN”

Suapan boleh datang dalam pelbagai bentuk samada dalam bentuk wang, hadiah, pinjaman, fi, alang, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat yang seumpama seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 - Permulaan, Seksyen 3, Tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



KESALAHAN RASUAH

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kesalahan rasuah:

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah dan diskaun.

1

Meminta, menerima, menawar dan memberi suapan di bawah Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009;

2

Mengemukakan tuntutan palsu di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009; dan

3

Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009

HUKUMAN SABIT KESALAHAN

AKTA

HUKUMAN

Seksyen 16 dan 17
Akta Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 (Akta 694)

Penjara tidak melebihi 20
tahun dan denda tidak
kurang 5 kali ganda nilai
rasuah atau RM 10,000 yang
mana lebih tinggi

Seksyen 161, 162 dan
164 Kanun Keseksaan
(Akta 574)

Penjara sehingga 3 tahun
atau denda atau kedua-
duanya

Seksyen 163 Kanun
Keseksaan (Akta 574)

Penjara sehingga 1 tahun
atau denda atau kedua-
duanya

Seksyen 165 Kanun
Keseksaan (Akta 574)

Penjara sehingga 2 tahun
atau denda atau kedua-
duanya

AKTA

HUKUMAN

Seksyen 213 dan 214
Kanun Keseksaan
(Akta 574)

1/4 daripada tempoh
penjara yang paling
lama diperuntukkan bagi
kesalahan itu atau denda
atau kedua-duanya

Seksyen 215 Kanun
Keseksaan (Akta 574)

Penjara sehingga 2 tahun
atau denda atau kedua-
duanya

Seksyen 4(1) Akta
Pencegahan Pengubahan
Wang Haram, Pencegahan
Pembiayaan Keganasan
dan Hasil Daripada Aktiviti
Haram (**AMLATFPUAA**) 2001

Penjara sehingga 15 dan
denda 5 kali ganda nilai
aktiviti haram atau 5 juta
yang mana lebih tinggi

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga **buang kerja** kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (a), (b), (f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

TUNTUTAN PALSU

Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan/jabatan).

AKTA

Seksyen 18 Akta
S u r u h a n j a y a
Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 (Akta 694)

HUKUMAN

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali denda nilai tuntutan palsu atau RM10,000.00 yang mana lebih tinggi.

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga **buang kerja** kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (f) dan (g),Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

SALAH GUNA KUASA

Seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

AKTA

Seksyen 23 Akta
S u r u h a n j a y a
Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 (Akta 694)

HUKUMAN

Penjara tidak melebihi
20 tahun dan denda
tidak kurang 5 kali
denda nilai tuntutan
palsu atau RM10,000.00
yang mana lebih tinggi.

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga **buang kerja** kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (a), (b),(c)(i).(c)(ii), (f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

TOLAK

Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti JPN

Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah menolak arahan tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti JPN



LAPOR

Mana-mana individu yang mengetahui sesuatu kesalahan rasuah atau perkara-perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan telah, sedang atau akan berlaku, hendaklah segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti JPN.

Mana-mana individu diberitahu oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya kesalahan rasuah, maka individu tersebut hendaklah segera melaporkan kepada pegawai Unit Integriti JPN.

Mana-mana individu yang telah melaporkan berkaitan kesalahan rasuah hendaklah tidak mendedahkan maklumat atau pelaporan tersebut kepada mana-mana pihak yang lain. Ia bagi memastikan apa-apa keterangan dan bahan bukti yang berkaitan kesalahan tersebut daripada dimusnahkan

Individu yang berkaitan hendaklah merahsiakan identiti pemberi maklumat bagi melindungi pemberi maklumat / aduan tersebut daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.



KEGAGALAN MELAPOR

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan satu kesalahan seperti berikut:

1

Gagal melaporkan pemberian atau tawaran suapan di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali

2

Gagal melaporkan permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali

PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR

(DUE DELIGENCE)

TAPISAN DALAMAN

(SEMAKAN OLEH UNIT INTEGRITI)

Kenaikan pangkat
Pengesahan dalam perkhidmatan
Pertukaran
Penempatan
Bercuti keluar negara
Permohonan pekerjaan luar
Perisytiharan harta
Tahap keberhutangan

SISTEM TAPISAN KEUTUHAN

(ESTK) - SPRM

<https://estk.sprm.gov.my/v2>

Berdasarkan pekeliling Am Sulit 1/1985:

Kenaikan Pangkat
Bersara Pilihan
Tapisan Am
Pengurniaan Pingat
Persekutuan dan Pingat Negeri

TAPISAN LUARAN

Data Pesalah Rasuah melalui
laman sesawang
www.sprm.gov.my

eBIDDING

Penyediaan dan format surat
setuju terima dalam modul
sebut harga / tender / eBidding
melalui Sistem ePerolehan (eP)




CABARAN DALAM PELAKSANAAN POLISI ANTI RASUAH

- Kemasukan warga asing ke negara ini yang ingin mendapatkan dokumen pengenalan diri Malaysia secara tidak sah menyumbang kepada aktiviti penerimaan imbuhan yang tidak sah;
- Penambahbaikan kepada Prosedur Kualiti dan tatacara kerja bagi aktiviti jabatan yang tidak dikemaskini serta tidak selaras dengan dasar dan undang-undang semasa ;
- Kelemahan undang-undang atau ordinan yang tidak selaras di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan telah lapuk;
- Perkembangan teknologi maklumat yang semakin canggih dan cepat;
- Kelemahan kawalan melalui sistem bagi semua aktiviti Jabatan termasuk menyelenggara data dalam sistem; dan
- Modus Operandi melibatkan kegiatan usahasama, gabungan, pengedar, ejen, perunding atau mana-mana pihak ketiga lain menyumbang kepada pelanggaran polisi ini.

PERKARA UMUM

- Polisi ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan diedarkan kepada semua warga JPN serta dipaparkan di setiap pejabat JPN; dan
- Polisi ini akan ditambahbaik dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan dan perubahan dasar semasa dan keperluan ABMS 37001:2016



KESIMPULAN

- Memastikan semua warga JPN memahami tanggungjawab mereka terhadap Polisi Anti Rasuah dan mana-mana peraturan yang mana mereka tertakluk dengannya;
- Mewujudkan persekitaran yang membenar dan menggalakkan kakitangan untuk merujuk masalah;
- Jangan meminta - secara langsung atau tidak langsung, di mana kakitangan JPN melaksanakan tugas-tugas, terutamanya terhadap tanggungjawab etika di bawah Polisi Anti Rasuah atau undang-undang yang berkaitan; dan
- Aku Janji warga Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia untuk menghayati dan mengaplikasikan Polisi Anti Rasuah ini dalam segenap aspek bidang tugas secara ikhlas dan suci hati

MAKLUMKAN KEPADA



SURAT:

Unit Integriti,
Jabatan Pendaftaran
Negara,
No 20, Persiaran Perdana,
Presint 2, 62551 WP
Putrajaya.



EMAIL:

aduanintegriti@jpn.gov.my



HOTLINE:

03 8880 7700 / 03 8880 7733



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2,
Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia